

DATE: 13/7/2010

Usah putus asa bebaskan Gaza

Oleh ROHANI IBRAHIM
rencana@utusan.com.my

PERSIDANGAN antarabangsa mengenai Gaza, Memecahkan Sekatan: Semangat Rachel Corrie dan Mavi Marmara berlangsung di Kuala Lumpur jauh dari bumi Palestin dan Israel, namun rejim Zionis dan sekutunya sentiasa berusaha untuk menggagalkan atau menyukarkan sebarang inisiatif membantu Palestin.

Dalam persidangan baru-baru ini, salah seorang daripada penceramah persidangan tersebut Hakim Dialdeen S.Madhoun yang merupakan Ketua Jawatankuasa Mendokumentasi Jenayah Perang tidak dapat hadir ke Malaysia untuk berucap.

Peserta persidangan dimaklumkan bahawa hakim tersebut tidak diberikan kebenaran daripada pihak berkuasa Mesir untuk datang ke Malaysia bagi menghadiri persidangan berkenaan.

Dialdeen dijadualkan berucap pada sesi dua persidangan tersebut mengenai Kehidupan di Gaza dengan Datuk Profesor Emeritus Dr. Shad S.Faruqi berperanan sebagai moderator.

Ketiadaan Dialdeen menjadikan hanya dua penceramah berucap pada sesi tersebut sebelum visual mengenai serangan rejim Zionis dan penderitaan rakyat Palestin ditayangkan kepada peserta.

Pegawai Hubungan Luar Parlimen Gaza, Ir. Mohammed D.Radwan ketika berucap pada sesi berkenaan berkata, rakyat Gaza yang hidup dalam serba kekurangan merayu bantuan masyarakat antarabangsa untuk membela nasib mereka.

"Namun jeritan kami penduduk Gaza tidak dapat didengar kerana Israel menutup Gaza dari dunia luar. Untuk mengatasi keadaan ini lebih banyak kapal bantuan kemanusiaan seperti Mavi Marmara dan Rachel Corrie perlu dilaksanakan. Sebuah pelabuhan perlu dibina di Gaza untuk menghubungkan Gaza dengan dunia luar," katanya dalam persidangan yang berlangsung di Dewan Tun Razak Satu, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur, Ahad lalu.

Sementara Ketua Misi Bantuan Kemanusiaan Kapal Rachel Corrie, Derek Graham berkata, tindakan Israel menyekat Gaza dari dunia luar menyebabkan 1.5 juta penduduk Gaza hidup dengan sistem pembentungan yang tidak sempurna dan disalurkan ke laut Gaza.

"Biarpun mengetahui sistem pembentu-



DR. MAHATHIR Mohamad bersalaman dengan Muhyiddin Yassin pada persidangan antarabangsa Memecahkan Sekatan: Semangat Rachel Corrie dan Mavi Marmara di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

ngan Gaza disalurkan ke laut tersebut nelayan Gaza terpaksa menangkap ikan di laut yang sama kerana mereka tidak ada pilihan lain. Tindakan Israel seperti satu pembunuhan kaum secara perlahan ke atas warga Gaza.

"Lebih banyak misi kapal bantuan kemanusiaan perlu dihantar ke Gaza selepas ini supaya situasi kehidupan di Gaza dan kekejaman Israel dapat menarik perhatian masyarakat antarabangsa," katanya.

Graham turut mencadangkan supaya negara dunia Arab bersatu dalam memperjuangkan isu Palestin untuk memberikan tekanan yang lebih kuat.

"Dunia Arab mampu menjadi kumpulan yang kuat jika mereka bersatu kerana negara-negara ini mengeluarkan lebih 90 peratus daripada hasil minyak dunia," jelasnya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Misi Kedutaan Iran di Kuala Lumpur, Dr. M.S.Dolatabadi berkata, serangan ke atas flotila bantuan kemanusiaan ke Gaza umpama serangan ke atas kebebasan dan nilai kemanusiaan.

"Satu-satunya cara untuk berhadapan dengan rejim Zionis ialah sikap tidak mengenal erti putus asa.

Iran menyokong konvoi kemanusiaan yang akan datang ke Gaza. Misi kemanusiaan ke Gaza selepas ini perlu diperkuatkan dengan bantuan perundangan dan politik," katanya yang berucap pada sesi ketiga iaitu Seruan Untuk Tindakan.

Wakil Misi Negara Arab di New Delhi, Dr. Ahmed Salem Saleh Alwahishi melahirkan rasa terkilan kerana hanya selepas tragedi Mavi Marmara masyarakat antarabangsa dapat melihat sedikit perubahan sikap dan inisiatif berhubung isu Palestin di kalangan negara-negara Liga Arab.

"Perubahan sikap yang persepsi berhubung isu Palestin perlu dibayar dengan sebuah tragedi," katanya.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor ketika menjawab soalan dari para peserta berkata, Dr. Mahathir perlu mewakili rakyat Malaysia yang prihatin dengan nasib rakyat Palestin dalam perbincangan mengenai proses damai Palestin.

Sementara Pengerusi Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO), Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika menjadi moderator pada sesi terakhir persidangan berkata, beliau

ditanya oleh banyak pihak kenapa beliau menganjurkan persidangan berkenaan.

"Ini bukanlah mengenai agama, bukan isu umat Islam dan Yahudi. Ini adalah isu keadilan dan kesaksamaan. Israel sentiasa bebas melakukan apa yang mereka mahu, mereka boleh mengebom, menawan dan menahan rakyat Palestin dan dunia seolah-olah memberikan kelebihan ini kepada Israel. Ini tidak betul.

"Sebuah negara boleh melanggar undang-undang tanpa dikenakan tindakan. Israel menyerang orang awam yang tidak membawa senjata api," katanya.

Dr. Mahathir menambah, apabila membaca berita mengenai lanun Somalia yang merampas kapal di perairan mereka dunia mengancam lanun-lanun Somalia berkenaan.

"Namun apabila Israel melakukan perkara yang sama dengan memaksa kapal bantuan Gaza menukar haluan ke pelabuhan mereka, Israel tidak pula dilabel sebagai lanun. Sehingga ke hari ini kapal misi kemanusiaan yang dipaksa menukar haluan ke Israel masih di sana. Ini satu tindakan jenayah.

"Jika Malaysia menahan kapal-kapal yang lalu di perairan Selat Melaka seluruh dunia pasti akan mengancam Malaysia. Mungkin ada negara yang akan menghantar kapal perang dalam memastikan kapal yang ditahan oleh Malaysia akan dibebaskan," jelasnya.

Tapi, tambah Dr. Mahathir, apabila Israel bertindak tidak ada pihak yang membangkitkan perkara itu dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ini kerana kuasa besar menyokong Israel.

Beliau berkata, apa yang menimpa Palestin boleh berlaku di Malaysia atau mana-mana negara. Oleh itu kita perlu memberi perhatian kepada isu Palestin.

Tanah orang Palestin dirampas untuk menubuhkan Israel. Apabila rakyat Palestin memilih untuk bertindak secara ganas dalam meluahkan rasa tidak puas hati mereka pula yang dikecam.

"Negara yang paling bertamadun di antara masyarakat sivil yang ada di dunia pun tidak menunjukkan simpati kepada Palestin.

"Dunia pernah membebaskan Afrika Selatan dari dasar apartied dan dunia juga tidak boleh membenarkan sebuah negara apartied untuk terus menindas Palestin.

Perjuangan akan diteruskan. Sekatan Gaza akan ditamatkan. Palestin akan dibebaskan dari kezaliman Israel," katanya.